

Perketat kawalan sempadan, dos penggalak 'perisai' kukuh negara

- Malaysia yang peratusan kadar vaksinasinya amat tinggi dan pernah dilanda beberapa kali gelombang COVID-19 tidak menghadapi masalah besar ketika varian BA.5 dan BF.7 masuk ke negara ini

- Kunci kejayaan sesuatu negara dalam mendepani cabaran COVID-19 terletak pada kerjasama erat antara rakyat dengan kerajaan. Virus selalu berubah dan varian baharu akan tetap muncul

Oleh Prof Madya Dr Bimo Ario Tejo
bhrencana@bh.com.my

Tiga bulan sebelum ambang tahun baharu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi bayangan pandemik COVID-19 mendekati penghujungnya. Walaupun bilangan kes jangkitan masih turun naik, jumlah kematian menurun secara konsisten seiring peningkatan kekebalan populasi global.

Namun, 'tsunami' COVID-19 di China bermula sejak pemansuhan polisi sifar kes jangkitan awal Disember lalu, memunculkan keraguan sama ada dunia bersedia letakkan tanda noktah menamatkan kisah panjang pandemik yang berlangsung tiga tahun.

Dijangka 250 juta rakyat China dijangkiti COVID-19 Disember lalu dengan Lembaga Kajian Air-finity berpangkalan di United Kingdom (UK) menjangka 4 juta jangkitan dan 25,000 kematian sehari akan terjadi di Negara Tembok Besar itu pada bulan ini. Dua varian utama bertanggungjawab kepada lonjakan kes COVID-19 di China ialah subvarian Omicron BA.5 dan BF.7 yang juga sudah lama dikesan di negara ini. Varian BA.5 menyebabkan sedikit lonjakan kes pada Julai tahun lalu, manakala varian BF.7 tidak memunculkan sebarang lonjakan kes.

Persoalannya, mengapa kedua-dua varian itu menyebabkan lonjakan kes dan kematian di China, tetapi tidak memunculkan masalah besar di negara kita?

Malaysia mencapai peratusan vaksinasi dos kedua lebih 98 peratus dan dos penggalak (70 peratus) dalam kalangan penduduk dewasa. Selain itu, jangkitan semula jadi daripada gelombang COVID-19 beberapa kali melanda negara kita mewujudkan kekebalan hibrid atau campuran memberi perlindungan lebih tinggi berbanding kekebalan diperoleh daripada vaksin atau jangkitan sahaja.

Sebaliknya, walaupun peratusan penduduk China mendapat vaksinasi dos kedua melebihi 90 peratus dan dos penggalak (58 peratus), China tidak pernah menghadapi gelombang besar kerana polisi sifar kes jangkitan sejak awal pandemik. Kekebalan majoriti rakyat China diperoleh hanya menerusi vaksinasi.

Kekebalan manusia berfungsi seperti tembok pelindung. Semakin tebal, ia semakin kuat. Kekebalan daripada vaksin sahaja umpama satu lapis tembok, sedangkan kekebalan hibrid atau campuran daripada vaksin dan jangkitan semula jadi umpama tembok berlapis-lapis lebih kuat.

Oleh itu, Malaysia yang peratusan kadar vaksinasinya amat tinggi dan pernah dilanda beberapa kali gelombang COVID-19 tidak menghadapi masalah besar ketika varian BA.5 dan BF.7 masuk ke negara kita. Sebaliknya, varian sama menjadi punca 'tsu-

nami' COVID-19 di China disebabkan rendahnya kekebalan hibrid rakyat negara berkenaan.

Walaupun kekebalan rakyat negara ini cukup tinggi, kita tidak boleh leka dan mesti berwaspada kemunculan varian baharu.

Pengawasan kemunculan varian baharu

Semua varian mendominasi jangkitan COVID-19 di dunia berasal daripada varian Omicron. Sejak kemunculan kali pertama di Afrika Selatan dan Botswana pada November 2021, varian itu berkembang menjadi 200 subvarian. Kebanyakan subvarian tidak menyebabkan lonjakan besar kes jangkitan dan kematian disebabkan kewujudan kekebalan hibrid di seluruh dunia.

Disebabkan jangkitan serentak pada 1.4 bilion rakyat China yang majoritinya tidak memiliki kekebalan hibrid, pakar memberi amaran munculnya lebih banyak varian baharu. Walaupun kemungkinan munculnya varian lebih ganas amat rendah disebabkan tingginya tahap kekebalan populasi global, kita tetap perlu berwaspada.

Pengawasan kemunculan varian baharu dilakukan menerusi analisis jujukan genom virus COVID-19 dihantar setiap negara ke pangkalan data Inisiatif Global mengenai Perkongsian Semua Data Influenza (GISAD).

Sehingga kini, data dihantar China tidak menunjukkan kemunculan varian baharu. Namun, bilangan jujukan genom dihantar amat rendah hanya 4,000 jujukan atau 0.04 peratus daripada keseluruhan kes COVID-19 di negara itu, berbanding Malaysia yang menghantar 44,000 jujukan (0.6 peratus). Disebabkan rendahnya bilangan jujukan genom dihantar China, amat sukar untuk memastikan sama ada

tiada varian baharu muncul daripada 'tsunami' COVID-19 baru-baru ini.

Oleh itu, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan pengawasan di pintu masuk antarabangsa menerusi pengambilan air sampel kumbahan pesawat dari China. Analisis jujukan genom menggunakan sampel air kumbahan ialah amalan standard untuk mengetahui jenis varian virus di suatu populasi.

Beberapa negara seperti Amerika Syarikat (AS), UK, Jepun, Itali, Perancis, Sepanyol, Australia dan Kanada kembali mengenakan syarat ujian negatif RT-PCR kepada pelancong dari China.

Tidak semua negara bersetuju langkah ini umpamanya Agensi Pencegahan Penyakit Kesatuan Eropah (EU CDC) berpendapat sekatan perjalanan terhadap pelancong China tidak memiliki alasan saintifik kukuh. Kekebalan penduduk negara EU dianggap cukup menghadapi ancaman varian dari China.

Kita belajar daripada pengalaman lalu bahawa sekatan perjalanan hanya menunda masuknya varian baharu. Tiada satu negara boleh menghindar varian COVID-19, bahkan China mengenakan sekatan ketat sejak awal pandemik pada akhirnya bertekuk lutut dan terpaksa menghadapi lonjakan kes jangkitan sangat tinggi.

Kunci kejayaan sesuatu negara dalam mendepani cabaran COVID-19 terletak pada kerjasama erat antara rakyat dengan kerajaan. Virus selalu berubah dan varian baharu akan tetap muncul.

Realitinya, kerajaan perlu melakukan pemantauan rapi terhadap kemunculan varian baharu, bukan hanya dari China, bahkan negara lain. Kesedaran rakyat untuk meningkatkan kekebalan, iaitu dengan pengambilan vaksin termasuk dos penggalak dan pengamalan gaya hidup sihat amat diperlukan untuk mendepani cabaran apapun varian muncul pada masa hadapan.

Oleh itu, kita menyambut baik penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, semalam mengenai kemasukan pengembara asing ke negara ini akan dikawal dengan lebih ketat, tanpa menumpukan mana-mana negara.

Malah, Perdana Menteri turut menggesa rakyat mengambil dos penggalak kerana hanya 49 peratus individu berbuat demikian sedangkan masih ada 6 juta dos belum guna.

Hakikatnya, masalah kesihatan rakyat menjadi isu paling utama kepada kerajaan, sedangkan soal pelancongan dan pertumbuhan ekonomi walaupun mustahak, ia tidak boleh mengatasi kepentingan mengawal serta merawat warga dari segi wabak, termasuk COVID-19.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Profesor Madya
Fakulti Sains, Universiti
Putra Malaysia (UPM)

“Kesedaran rakyat untuk meningkatkan kekebalan, iaitu dengan pengambilan vaksin termasuk dos penggalak dan pengamalan gaya hidup sihat amat diperlukan untuk mendepani cabaran apapun varian muncul pada masa hadapan”